

19 MAR 2004
Pilihan raya-Hadi
PAS TERENGGANU SEDIA HADAPI KEKALAHAN

MARANG, 19 Mac (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini berkata beliau dan partinya sedia menghadapi kekalahan di Terengganu pada pilihan raya umum 21 Mac ini.

Ini kerana, katanya PAS sudah biasa dengan kekalahan dan mempunyai pengalaman luas untuk menghadapi satu lagi kekalahan.

"Kita biasa dengan kekalahan kerana kita mengalami kekalahan sepanjang pilihan raya dan kita baru menang sekali. Kita lebih banyak pengalaman menghadapi kekalahan daripada pengalaman menerima kemenangan," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau membuat kenyataan itu ketika diminta mengulas mengenai keyakinan yang disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa menemui rakyat di Besut semalam.

Dalam majlis itu Abdullah melahirkan keyakinannya bahawa BN akan dapat menawan semula Terengganu yang terlepas ke tangan PAS pada pilihan raya umum 1999.

Sementara itu Abdul Hadi mendakwa Abdullah masih tidak berani untuk menyelesaikan kes-kes rasuah membabitkan golongan berpengaruh yang telah berlaku sejak era kepimpinan Tun Dr Mahathir mohamad.

"Dalam menangani masalah rasuah, tindakan (hanya) diambil ke atas mereka yang telah lemah pengaruhnya. Beliau masih tidak berani secara telus dan tegas mengambil tindakan terhadap mereka yang sepatutnya diambil tindakan," katanya.

-- BERNAMA
NM AM